

Terus jadi bualan ramai... 'Alumni UPSI, Nur Syafiqah bukan calang-calang orangnya'

Bangkok, 17 Disember - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sememangnya dikenali sebagai antara institusi pendidikan tinggi yang konsisten melahirkan individu cemerlang, bukan sahaja dalam bidang akademik, malah turut menyerlah dalam kokurikulum, kepimpinan pentas antarabangsa.

Kejayaan alumni-alumnya dalam pelbagai bidang membuktikan universiti ini bukan sekadar menumpukan kecemerlangan bilik kuliah, sebaliknya menekankan

pembangunan insan seimbang yang mampu menyumbang kepada negara dan masyarakat.

Antara nama besar alumni UPSI yang sering menjadi inspirasi ialah pengembara solo wanita negara, Anita Yusof dan sukarelawan misi kemanusiaan Global Sumud Flotilla (GSF), Muhammad Hareez Adzrami (Haroqs) yang aktif memperjuangkan isu kemanusiaan antarabangsa.

Terbaharu, nama Nur Syafiqah Hamzah, atlet pencak silat negara, pula mencuri tumpuan ramai apabila muncul sebagai antara alumni UPSI yang mencipta sensasi di pentas sukan antarabangsa. Graduan Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Ijazah Sarjana Muda Sains Kejurulatihan (2019) itu berjaya menghadihkan pingat emas pertama buat Malaysia selepas menjuarai acara tunggal puteri dalam Sukan SEA Thailand 2025.

Ketika beraksi di gelanggang pertandingan, atlet berusia 31 tahun itu mempamerkan persembahan silat yang kemas, bertenaga dan penuh disiplin tinggi. Setiap gerak langkah yang tersusun serta penguasaan teknik mantap jelas memikat perhatian juri, sekali gus melayakkan beliau muncul sebagai pemenang emas dalam acara berprestij tersebut.

Mengulas kejayaan membanggakan itu, Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, pencapaian Nur Syafiqah membuktikan graduan UPSI berupaya mencipta kecemerlangan di peringkat antarabangsa menerusi gabungan disiplin diri, ketekunan serta sokongan ekosistem pendidikan yang holistik. "UPSI amat berbangga dengan kejayaan Nur Syafiqah yang bukan sahaja mengharumkan nama negara, malah mengangkat reputasi universiti sebagai institusi yang melahirkan bakat seimbang dari segi akademik dan kokurikulum," katanya dalam satu kenyataan. Menurut beliau, kejayaan itu turut mencerminkan keberkesanan pendekatan UPSI dalam memperkasa pembangunan atlet pelajar melalui integrasi ilmu kejurulatihan, sains sukan dan pembentukan nilai kepimpinan, selari dengan aspirasi universiti untuk melahirkan graduan berdaya saing di peringkat global.

"Pencapaian ini diharap menjadi inspirasi kepada seluruh warga UPSI dan generasi muda untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan, di samping menyumbang kepada pembangunan sukan negara secara mampan," ujar beliau lagi.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI Antara 27 IPT Meterai MoU Bersama YADIM, Perkasa Agenda Dakwah Negara

Kuala Lumpur, 18 Disember - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh peranannya sebagai institusi keilmuan yang menyumbang secara aktif kepada agenda dakwah negara apabila menjadi antara 27 institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA dan IPTS) yang memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dalam satu majlis yang berlangsung di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, kelmarin.

UPSI yang diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, menyatakan kesediaan universiti itu untuk memanfaatkan kepakaran akademik dalam memperkukuh disiplin dakwah Islamiyah serta memperluas jaringan kerjasama strategik antara institusi akademik di peringkat nasional dan antarabangsa. Beliau berkata kerjasama tersebut merangkumi pelbagai aspek

UPSI Raikan Kecemerlangan Kanak-kanak TADIKA Bitara NCDRC 2025

Tanjong Malim, 20 Disember - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC) telah menganjurkan Majlis Penyampaian Sijil Kecemerlangan Kanak-kanak TADIKA Bitara NCDRC 2025 bertempat di Panggung Budaya, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI.

Majlis ini bertujuan menghargai pencapaian holistik kanak-kanak TADIKA Bitara NCDRC selaras dengan aspirasi pendidikan awal kanak-kanak negara.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Negeri Perak, lafaz Ikrar Rukun Negara serta bacaan ayat suci al-Quran dan doa yang dialunkan oleh kanak-kanak TADIKA Bitara, NCDRC. Turut mencuri

termasuk pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, penganjuran persidangan, seminar dan bengkel, selain program pertukaran dan mobiliti pelajar serta kakitangan akademik.

Majlis pemeteraian itu disifatkan sebagai kerjasama berskala terbesar pernah dilaksanakan oleh YADIM, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dan institusi pengajian tinggi dalam memperkasa agenda dakwah negara secara lebih menyeluruh, tersusun dan berimpak tinggi berteraskan ilmu serta penyelidikan.

“UPSI melihat MoU ini sebagai satu platform penting untuk membangunkan modal insan mahasiswa secara holistik, khususnya melalui latihan industri, program mobiliti serta penglibatan aktif pelajar dalam agenda dakwah yang berteraskan ilmu dan nilai kemasyarakatan.

tumpuan adalah ucapan alu-aluan oleh kanak-kanak TADIKA Bitara NCDRC serta persembahan istimewa melibatkan kanak-kanak berumur lima dan enam tahun yang menampilkan bakat, keyakinan diri serta nilai budaya sejajar dengan tema majlis, “Tradisional & Kebudayaan.”

Majlis ini dihadiri Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPSI, Prof. Dr. Suriani Abu Bakar; Pengarah NCDRC, Prof Madya Dr. Mazlina Che Mustafa serta barisan pengurusan NCDRC serta wakil Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

Majlis disempurnakan oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan Sekolah Prasekolah dan Sekolah Rendah, JPN Perak, mewakili Pengarah JPN Perak, Norizah Mohamed Ramli.



UPSI Lancar Program Protege BITARA, 40 Pelajar Terima Keluarga Angkat

Tanjong Malim, 17 Disember - Seramai 40 pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima suntikan semangat baharu apabila dipertemukan secara rasmi dengan 24 keluarga angkat dalam kalangan kakitangan universiti menerusi Program Protege BITARA yang dilancarkan hari ini.

Majlis peluncuran program berkenaan berlangsung di Gerbang Suria, Kampus Sultan Azlan Shah, bersempena Karnival Badan Pelajar 2025 anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEP), yang mencatat kehadiran kira-kira 14,000 pelajar sejak awal pagi. Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, Program Protege BITARA mencerminkan nilai teras BITARA yang menekankan keprihatinan, kebersamaan serta pembangunan insan secara holistik dalam ekosistem kampus.

“Program ini berteraskan prinsip 3A iaitu Adab, Akhlak dan Akademik. Kita mahu pelajar bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi turut memiliki adab yang tinggi serta akhlak yang baik sebagai bakal pendidik dan pemimpin

masa hadapan,” katanya ketika berucap pada majlis berkenaan. Beliau berkata, pendekatan keluarga angkat yang diperkenalkan mampu mewujudkan persekitaran kampus yang lebih penyayang dan inklusif, sekali gus membantu pelajar menangani cabaran kehidupan universiti secara lebih seimbang. “Kehadiran keluarga angkat memberi makna besar kepada pelajar kerana mereka bukan sekadar menerima bantuan, malah merasai sokongan moral, perhatian dan bimbingan yang berterusan. Inilah roh BITARA UPSI yang ingin kita semai dalam kalangan seluruh warga universiti,” katanya.

Menurut beliau, inisiatif itu juga berperanan sebagai platform untuk memperkukuh hubungan kekeluargaan dan sokongan emosi antara warga universiti dan pelajar, di samping meningkatkan kesejahteraan pelajar secara menyeluruh.

Program Protege BITARA yang diperkenalkan sejak awal 2025 dan dikelola oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPSI memberi tumpuan kepada usaha mempromosikan

program, mengenal pasti pelajar yang memerlukan serta mendapatkan penyumbang berpotensi dalam kalangan kakitangan universiti.

Menerusi program tersebut, penyumbang komited membantu pelajar melalui potongan gaji berjadual secara bulanan bagi tempoh minimum satu tahun, selain berpeluang berinteraksi, membimbing dan memantau perkembangan anak angkat masing-masing. Penyumbang yang memilih untuk kekal tanpa identiti turut diberi ruang bagi memastikan sumbangan dapat disalurkan secara ikhlas dan berterusan.

“Program ini dijangka menjadi antara inisiatif berimpak tinggi UPSI dalam memperkukuh kesejahteraan pelajar serta melahirkan graduan yang seimbang dari segi sahsiah, nilai kemanusiaan dan kecemerlangan akademik,” ujar beliau.

Dalam majlis yang sama, turut diadakan penyerahan kutipan derma untuk Palestin dan Sudan, pelancaran Bitara Prihatin dan Mahasiswa Prihatin serta sesi Apresiasi Atlet Sukan UPSI.



SPFK 2025: Transformasi Pendidikan Fizik Mendepani Cabaran Masa Kini



Program AQUARESQ perkasa kemahiran penyelamatan arus deras sukarelawan 20 Universiti Awam



Murid SMK Proton City Teroka Dunia Canva dan AI melalui Program Inovasi Digital



Lawatan Akademik UPSI ke Kolej Vokasional Nawawit dan Sekolah Salihiyah, Pattani Perkukuh Jaringan Pendidikan Serantau